

# UTUSAN MALAYSIA

## 27 FEBRUARI 2013

### Debat ala Presiden benar-benar menguji kematangan peserta

KUALA LUMPUR 26 Feb. - Berdepan dengan tekanan yang tinggi, soalan-soalan di luar jangka dengan masa 15 hingga 30 saat untuk berfikir memberikan jawapan adalah antara cabaran yang perlu ditempuh peserta debat ala Presiden.

Bagi Johan Pertandingan Debat Keamanan Antara Institusi Pengajian Tinggi ASEAN tahun lalu, Wan Azizul Faiz Zulkifli (**gambar**), 22, cabaran tersebut merupakan keunikan yang ada dalam debat ala Presiden berbanding pertandingan lain.

"Jawapan diberikan perlulah bernas dan padat yang mampu memperlihatkan kemampuan peserta untuk berfikir sebagai seorang pemimpin utama.

"Debat ala Presiden ini, benar-benar menguji diri dan kematangan kerana tiada orang akan dapat membantu selain kebijaksanaan pendebat itu

sendiri yang berada di atas pentas," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau yang merupakan penuntut di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) berkongsi pengalaman yang diperoleh semasa debat ala Presiden tahun lalu.

Wan Azizul turut dibantu seorang wakil, Tuan Ahmad Nazmi Safwan, 23, yang berperanan untuk menanyakan soalan kepada pihak lawan semasa sesi soalan.

Pada tahun ini, pertandingan Debat Keamanan Ala Presiden Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Ma-

laysia akan berlangsung di UPNM, bermula Jumaat ini hingga 3 Mac.

Debat ala Presiden yang memasuki tahun ketiga itu dianjurkan oleh UPNM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Ma-

jlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (Madum). *Utusan Malaysia* adalah akhbar rasmi acara ini.

Menurut Wan Azizul, pertandingan debat itu adalah suatu seni yang subjektif di mana menang atau kalah bukanlah sesuatu amat penting untuk diambil kira.

"Percambahan idea yang jitu supaya mereka yang mendengar berasa puas hati dan pada masa sama membantu audiens untuk berfikir dengan lebih bijak adalah tujuan utama bagi saya.

"Pendebat juga perlu menjiwai seni bercakap dan melatih pemikiran untuk keluar dari kotak dengan melihat daripada pelbagai sudut perspektif," jelasnya.

Menurut beliau lagi, persiapan yang terbaik perlu diberikan dengan membuat kajian menyeluruh terhadap usul-usul yang diberikan penganjur sebelum pertandingan bermula.



